

# Seramai 37 staf UMSKAL jayakan Team Building

UB 8.7.13 B4

► Membantu kakitangan meningkatkan motivasi serta produktiviti kerja.

**P**ESENTA kursus Kecemerlangan Diri (Team Building) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menerima baik pelaksanaan kursus berkenaan kerana membantu kakitangan meningkatkan motivasi serta produktiviti kerja.

Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah berkata kursus anjuran Pejabat Bahagian Pentadbiran UMSKAL yang diadakan pada 21 hingga 23 Jun 2013 di Kiulu, Tamparuli, Tuaran itu membabitkan 37 staf dan urusetia universiti yang terdiri daripada semua peringkat perjawatan.

Katanya, kursus selama tiga hari dua malam itu bukan sahaja bertujuan meningkatkan motivasi diri malahan menyemai budaya daya saing peserta bagi mencapai tahap kualiti kerja yang cemerlang.

Beliau berkata kursus itu bertujuan untuk mendorong peserta membina komitmen dan sikap kerjasama berpasukan yang mantap di samping menerapkan sikap positif



PESERTA menempuh cabaran Borneo Rafting sejauh sembilan kilometer di laluan air Sungai Kiulu.

individu dalam melaksanakan atau menyelesaikan sesuatu kerja.

“Kursus itu menyasarkan agar peserta mendapat pendedahan interaksi sekaligus membina

komunikasi berkesan dalam melaksanakan tugas sehari-hari di tempat kerja. Kursus ini juga diharap dapat membina sikap kepimpinan yang efektif dalam kalangan peserta,” katanya.

Zamri bagi pihak Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berharap semua peserta yang menyertai kursus itu akan menyelami dan melaksanakan semua modul yang dipelajari di sepanjang kursus itu diadakan di tempat kerja bagi meningkatkan prestasi kerjaya dan masa depan universiti.

Kursus yang dirangka khas untuk kakitangan UMSKAL turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti teambuilding seperti Trail Run & River Swim, Borneo Rafting, Village of Adventure dan Team Endeavor iaitu aktiviti yang bercorak Corporate Wargame dijalankan.

Konsultan Borneo Ultimate Sport Adventure Sdn Bhd (Busat) mengendalikan kursus tiga hari itu.

Rata-rata peserta yang mengikuti kursus berkenaan gembira dan melahirkan rasa kepuasan serta berharap agar aktiviti sedemikian lebih kerap dilaksanakan pada peringkat UMSKAL selepas ini.



PERMAINAN marampanau antara aktiviti Team Building yang dijalankan.



PESERTA dan urusetia Team Building bergambar untuk kenangan.